# MPSM WP Labuan anjurkan Mesyuarat ke-2 Tahun 2019



**Labuan, 4 Julai –** Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (MPSM WPL) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa MPSM WPL Bil.2 Tahun 2019 bertempat di Bilik Kiansam, BTPN Labuan

Mesyuarat dihadiri oleh 8 orang pengetua termasuk Pengarah Kolej Vokasional Labuan dan 3 pengetua yang baharu dilantik. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Ismail bin Abdullah, Yang DiPertua MPSM WPL.

Dalam ucapannya, Encik Ismail mengucapkan tahniah atas pelantikan 4 pengetua baharu dan beliau yakin atas keupayaan mereka dalam memimpin dan meningkatkan kualiti sekolah.

Selain itu, beliau turut meminta agar MPSM WPL proaktif dalam mengoperasikan matlamat meningkatkan prestasi SPM 2019 melalui pasukan *task force* mata pelajaran. Pasukan *task force* yang dianggotai oleh guru-guru mata pelajaran

dilaksanakan secara PLC dan penglibatan mereka direkodkan di dalam SPLKPM.

Mesyuarat turut melantik Puan Norazita binti Mohd Nor sebagai Bendahari MPSM WPL yang baharu menggantikan Encik Sahar bin Misron yang telah bersara wajib mulai Mei 2019.

Mesyuarat turut membincangkan pengagihan tugas berkaitan Bengkel Profesional MPSM Kebangsaan yang akan berlangsung di Labuan pada 16 hingga 18 Julai 2019. Semua pengetua sekolah W.P. Labuan terlibat dalam membantu menjayakan bengkel MPSM kebangsaan tersebut.

Di akhir mesyuarat, Encik Ismail berharap agar aktiviti dan program terutamanya berkaitan *Task Force* mata pelajaran memberi impak terbaik ke arah peningkatan prestasi SPM tahun 2019.

**Berita Oleh : Cikgu Nizam**